

13,291,385 pengundi berdaftar untuk Pilihan Raya Umum Ke-13
Utusan Online
23 Februari, 2013

PUTRAJAYA 22 Feb. - Daftar Pemilih Tambahan (DPT) Suku Tahun 4/2012 yang diwartakan hari ini menyaksikan pertambahan sebanyak 294,392 pemilih menjadikan jumlah keseluruhan 13,291,385 pengundi berdaftar untuk Pilihan Raya Umum Ke-13.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam kenyataannya memberitahu, jumlah yang didaftarkan untuk suku tahun keempat itu terdiri daripada 243,204 pendaftaran baru dan 51,188 pendaftaran pertukaran alamat pusat mengundi.

"Pewartaan ini melibatkan permohonan pendaftaran baru atau bertukar alamat pusat mengundi yang tidak terlibat dengan bantahan," jelas kenyataan itu di sini.

Bagaimanapun menurut SPR, pihaknya terpaksa menangguhkan pemerakuan permohonan nama mereka yang terlibat dengan bantahan sehingga perkara itu dapat diselesaikan melalui siasatan SPR.

Sepanjang tempoh pameran Rang DPT ST4/2012 dari 17 hingga 30 Januari tahun ini, SPR telah menerima 630 bantahan melibatkan 19 bahagian pilihan raya Parlimen.

"Kesemua bantahan itu masih belum dapat diselesaikan," jelasnya.

Pemerakuan terhadap DPT ST4/2012 adalah mengikut Peraturan 21A & 22(1) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

Peraturan tersebut menetapkan supaya DPT diperakui sebelum dapat digunakan untuk sesuatu urusan pilihan raya.

SPR juga menyeru pemilih berdaftar supaya membuat semakan maklumat pendaftaran pemilih melalui telefon di 03-88856565, laman web SPR di www.spr.gov.my atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menaip SPR<jarak>SEMAK<jarak>NO.KAD PENGENALAN dan hantar ke 15888.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi SPR di talian 03-88856565 atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Orang ramai yang berminat untuk membeli DPT ST4/2012 boleh membuat tempahan di ibu pejabat SPR di sini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130223/px_03/13291385-pengundi-berdaftar-untuk-Pilihan-Raya-Umum-Ke-13